

**FAKTOR-FAKTOR PENCEROBOHAN VESEL NELAYAN ASING  
DI PERAIRAN PANTAI BARAT SABAH**  
*Factors of Enroachment by Foreign Fishing Vessels  
into Sabah's West Coast Waters*

<sup>1\*</sup>ASTRI BINTI M FADZLI

<sup>2</sup>DAYANG SURIA HJ MULIA

<sup>3</sup>SYAHRUDDIN HJ AWANG AHMAD

<sup>1,2&3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Corresponding author: <sup>1\*</sup>mfadzliastri@gmail.com

<sup>2</sup>dsh99@ums.edu.my

<sup>3</sup>syahag@ums.edu.my

Dihantar: 7 November 2022, Penambahbaikan: 13 December 2022, Diterima: 22 December 2022,  
Terbit: 31 Disember 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.3824>

**Abstrak** Sabah dikelilingi oleh tiga laut utama iaitu Laut Sulawesi, Laut Sulu dan Laut China Selatan (LCS). LCS berada di perairan pantai barat Sabah yang dikenali sebagai antara 12 tapak mega biodiversiti di dunia. Geostrategik dan kekayaan khazanah laut ini merupakan tarikan yang menjadikan perairan pantai barat Sabah rentan kepada pencerobohan nelayan asing. Rentetan itu juga, Jabatan Perikanan Sabah telah menyatakan bahawa kini terdapat 36 spesies marin yang terancam termasuklah ikan yu dan spesies ikan pari. Salah satu puncanya adalah disebabkan oleh pencerobohan nelayan asing. Selain mewujudkan persaingan sumber dengan nelayan tempatan di pantai barat Sabah, nelayan asing mengeksplotasi sumber marin menggunakan kaedah pukat tunda yang bersifat destruktif dan tidak selektif dalam kaedah penangkapan ikan. Hal ini menjelaskan ekosistem marin untuk jangka masa panjang. Sehubungan dengan itu, antara objektif artikel ini adalah bagi menerangkan mengenai faktor-faktor pencerobohan vesel nelayan asing di pantai barat Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemu bual secara mendalam informan daripada 12 pengaruh kuasa maritim dan 30 nelayan tempatan yang aktif menjalankan aktiviti perikanan dan mengendalikan satu temu bual kumpulan berfokus terhadap nelayan pesisir pantai Pasir Putih. Selain itu, data sekunder turut digunakan bertujuan mengukuhkan data empirikal dalam artikel ini. Dapatkan awal kajian ini menunjukkan faktor pencerobohan nelayan asing adalah disebabkan negara seperti Vietnam sudah mengalami eksplotasi perikanan

dan kemahiran beroperasi seperti menggunakan lesen palsu mengurangkan risiko mereka tertangkap. Hal ini seterusnya mendorong mereka untuk berani menceroboh perairan yang masih mempunyai sumber perikanan mencukupi bagi memenuhi bekalan tempatan mereka. *Maritime presence* yang kurang seperti penguat kuasa maritim dan nelayan tempatan di laut untuk membuat laporan dan pemantauan menyebabkan kegiatan mereka sukar dikenal pasti. Rentetan itu, kegiatan ini telah mengganggu gugat kelangsungan hidup nelayan tempatan. Nelayan tempatan harus menambah bilangan hari penangkapan ikan daripada 7 ke 14 hari bermula pada tahun 2015 untuk mengganti modal dan memperoleh keuntungan.

**Kata kunci:** Pencerobohan, khazanah perikanan, nelayan, sempadan, perikanan haram.

*Abstract* Sabah is surrounded by three main seas: the Sulawesi Sea, Sulu Sea and South China Sea (LCS). The LCS is in the west coast waters of Sabah, which is known as one of the 12 mega-biodiversity sites in the world. The geostrategic and the richness of this marine treasure is an attraction that makes the west coast waters of Sabah vulnerable to the invasion of foreign fishermen. Sabah Fisheries Department has reported that there are currently 36 endangered marine species including sharks and stingrays. One of the reasons resulting to the marine species endangerment is the encroachment by foreign fishermen. In addition to creating resource competition with local fishermen in the west coast of Sabah, the foreign fishermen exploit marine resources with destructive and non-selective trawling methods in fishing. This affects the marine ecosystem in the long run. Therefore, one of the objectives of this article is explaining the factors of the encroachment of foreign fishing vessels on the west coast waters of Sabah. This study employed a qualitative approach by conducting in-depth interviews with informants that consist of 12 maritime enforcement officers and 30 local fishermen who are actively engaged in fishing activities, and conducting a focus group interview with Pasir Putih coastal fishermen. In addition, secondary data were also used to strengthen the empirical data presented in this article. The findings show that the encroachment by foreign fishermen is due to countries (such as Vietnam) that have experienced fisheries and operational exploitation such as using fake licences to reduce their risk of

*being caught. This further encourages them to dare to invade on waters that still have sufficient resources to meet their local supply. The lack of maritime presence, such as maritime enforcement and local fishermen in the sea to lodge reports and monitor, makes their activities difficult to detect. As a result, these activities have disrupted the livelihood of local fishermen. Local fishermen have to increase the number of fishing days from 7 to 14 days starting in 2015 to reimburse their capital and make a profit.*

**Keywords:** Encroachment, fisheries, fisherman, border, illegal fishing.

## PENDAHULUAN

Pencerobohan nelayan asing terutama daripada Vietnam mengancam penguat kuasa maritim dan nelayan tempatan menggunakan senjata api (Raja Hisham, 2020), mengganggu keamanan perairan negara dan mengeksplorasi sumber perikanan negara. Selain faktor ekonomi, kajian Yordan dan Hanna (2019) menyatakan antara faktor utama aktiviti perikanan secara haram nelayan asing berlaku adalah disebabkan kemampuan sesebuah negara mengurus ekosistem laut. Hal ini disebabkan kapasiti yang tidak seimbang antara laut dan penguatkuasaan yang merujuk kepada laut yang terlalu luas tetapi bilangan penguat kuasa sangat sedikit menjadikan pemantauan kurang berkesan. Hal ini ditambah lagi dengan permintaan tempatan dan antarabangsa yang tinggi terhadap sumber laut tertentu menyukarkan usaha membendung pencerobohan vesel nelayan asing. Seterusnya dalam konteks negeri Sabah, pada tahun 2016 dan 2017 sebanyak 150 buah vesel nelayan asing yang didaftarkan dan dilesenkan adalah menyerupai vesel nelayan tempatan. Isu ini berlaku kerana kerajaan memberi lesen penangkapan ikan tempatan kepada nelayan asing seperti nelayan daripada Vietnam. Rentetan itu, nelayan Vietnam telah menyalahgunakan nombor pendaftaran tersebut dengan menggunakan nombor pendaftaran yang sama di vesel-vesel mereka yang tidak berdaftar (Zaid Salim, 2020). Hal ini telah mengelirukan pihak penguat kuasa dan nelayan tempatan dalam membuat pengecaman vesel-vesel di lautan. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menerangkan faktor-faktor yang mendorong pencerobohan vesel nelayan asing di perairan pantai barat Sabah. Faktor-faktor ini dapat membantu penguatkuasaan maritim dalam mengenal pasti punca pencerobohan nelayan asing berlaku.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian Agnew dan Barnes (2014) menyatakan bahawa faktor pencerobohan nelayan asing adalah berpunca oleh faktor ekonomi. Misalnya, Jepun menyasarkan *yellow fin sole* di Amerika sejak tahun 1993 di Laut Bering, manakala Soviet (Rusia) telah menghantar 70 vesel mereka ke Teluk Alaska untuk menangkap spesis *Pacific Ocean Perch* (Breasnon & Gleason, 2015; Bailey, 2011). Selain itu, vesel daripada China pula membanjiri di Kepulauan Galapagos bersama tangkapan 300 tan ikan dan di Laut Amerika dan Caribbean (LAC) ditangkap membawa 300 tan sirip ikan yu. Di Amerika Latin, China juga menyasarkan ikan Tataoba yang mempunyai nilai tinggi di Asia iaitu 1400 sehingga 4000 USD untuk dijadikan bahan dalam ubat-ubatan. Di ZEE Somalia, pada tahun 2020 terdapat sehingga 200 nelayan asing daripada Iran dan Yemen menyasarkan *Yellow fin* dan *Frigate Tuna* (Mukami & Makoni, 2020). Hal ini memperlihatkan bahawa keuntungan merupakan faktor yang cukup signifikan berlakunya pencerobohan nelayan asing. Seterusnya, turut berlaku pencerobohan di Jepun oleh nelayan Korea Utara adalah disebabkan oleh eksplorasi perikanan oleh negara China di lokasi perikanan mereka (Valentino, 2020; Urbina, 2020). Di Malaysia, iaitu negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, pencerobohan nelayan asing daripada Thailand dan Filipina adalah kerana mereka menyasarkan ikan gred A seperti jenahak dan kerapu (Zaid Salim, 2020; Hanapiah, 2019). Di Sarawak, kehilangan sumber sotong oleh nelayan asing daripada Vietnam sangat signifikan iaitu 3,335 tan metrik setahun (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019). Walhal, di perairan Sabah pula terdapat 20 spesies *balat* yang menjadi sasaran nelayan asing terutama daripada Vietnam dan China dan hasil tuna yang boleh diraih sehingga 700 juta setahun (*Borneo Today*, 30 Oktober 2019).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif, iaitu meliputi komponen seperti menjalankan temu bual mendalam terhadap nelayan tempatan di pantai barat Sabah, iaitu sepuluh orang nelayan tempatan laut dalam dan 20 orang nelayan tempatan pesisir pantai daripada Pasir Putih di Putatan, pasar Filipina Kota Kinabalu, Kampung Gentisan dan Pulau

Gaya yang menjalankan aktiviti perikanan secara sepenuh masa. Temu bual mendalam turut dilaksanakan bersama wakil daripada *stakeholders* berautoriti, iaitu dua daripada Jabatan Perikanan, tiga orang wakil Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), dua orang wakil Tentera Laut di Raja Malaysia (TLDM) dan dua orang wakil daripada Persatuan Nelayan Kota Kinabalu. Temu bual kumpulan berfokus pula dibentuk meliputi satu kumpulan yang terdiri daripada empat orang nelayan pesisir pantai. Penyelidik juga merujuk data sekunder utama iaitu buku bertajuk *Aspects of Illegal, Unreported and Unregulated Fishing in the Southern Ocean* (Baird, 2015) dan *Global Implications of Illegal, Unreported, and Unregulated (IUU) Fishing* yang diterbitkan oleh National Intelligence Council pada 2016. Artikel daripada jurnal pula adalah *Foreign Illegal, Unreported and Unregulated Fishing in Somali Waters Perpetuates Conflict* (Glaser, Robert et al., 2019).

## DAPATAN KAJIAN

### A. Kekayaan Khazanah Perikanan

Kekayaan sumber perikanan menjadi faktor utama pencerobohan vesel nelayan di mana mereka menyasarkan spesies seperti tuna dan timun laut di perairan pantai barat Sabah. Hal ini dinyatakan sendiri oleh informan yang di temu bual pada 29 September 2021, iaitu Leftenan Syafiq yang merupakan penguat kuasa maritim yang terlibat dalam aktiviti rondaan dan operasi menangkap nelayan asing selama sepuluh tahun di Sabah. Beliau menyatakan bahawa tarikan nelayan asing di perairan ini adalah kerana hasil laut yang banyak yang belum diterokai sepenuhnya oleh nelayan tempatan. Berikut adalah perkongsian beliau;

“...bagi saya dia punya tarikan itu satu adalah hasil laut dia banyak, nelayan kita tak banyak explore ke tengah laut hanya ‘bermain’ di pesisir pantai sahaja itu menyebabkan nelayan asing sanggup datang rapat... dia tahu nelayan ni tempatan kita tidak pergi ke tengah laut dia sanggup datang ke Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia.” (Leftenan Syafiq, 35 tahun, Pegawai Navigasi TLDM temu bual, 29 September 2021)

Disokong oleh Leftenan Raphael berumur 36 tahun yang ditemu bual pada 27 Mac 2020 menyatakan punca berlaku pencerobohan vesel nelayan asing kerana potensi perikanan yang belum diterokai sepenuhnya di perairan pantai barat, Sabah. *Balat* yang menjadi sasaran nelayan asing pula masih diusahakan secara tradisional oleh nelayan tempatan telah membuka peluang kepada nelayan asing untuk menerokainya. Tambah beliau lagi, sebelum ini sumber tuna di perairan ini banyak, maka nelayan asing terutama daripada Vietnam datang menghantar ‘kapal tuna’ mereka. Setelah sumber berkurangan, mereka menghantar ‘kapal *balat*’ mereka pula untuk menjalankan aktiviti perikanan di lokasi penyelidikan berikut pernyataan beliau;

*“di sini masih banyak sumber, kita punya pengusaha balat pun semua tradisional tiada yang buat secara komersial jadi memang disini sumber kita masih banyak... kalau dulu kita banyak ikan tuna kapal ikan tuna dia datang... tapi bila mungkin sudah berkurangan kapal Balat dia pulak yang datang sini”.* (Leftenan Raphael, 36 tahun, Pegawai Memerintah Kapal Maritim, temu bual, 27 Mac 2020)

Leftenan Salehin dari APMM yang mempunyai pengalaman selama lebih 12 tahun dalam aktiviti pengawasan perairan di pantai barat Sabah juga menambah maklumat berkaitan dengan hasil tangkapan nelayan asing, menjelaskan nelayan asing boleh memperoleh sehingga dua tan ikan pelbagai jenis seperti ikan merah dan putih untuk sekali aktiviti memukat. Menurutnya;

*“...katakan satu kapal tu ada 6 tangki.... satu tangki dia boleh memuatkan dua tan ikan... satu tan ikan kalau katakan harga paling ada paling busuk-busuk pun dua ringgit setengah.. kalau dua ringgit lima puluh sen kalikan dengan itu 2000 itu ikut harga tempatan satu sudah ada 5000...tapi kita tak tahu berapa harga dia di sana mungkin dia jual dalam 10 ringgit satu kilo kita pun tak tahu kan..”* (Leftenan Salehin, 37 tahun, Pegawai Peperangan Kapal Maritim APMM, temu bual, 7 Februari 2020)

Kekayaan hasil perikanan di perairan Sabah juga buktikan dengan tangkapan demi tangkapan terhadap nelayan asing di kawasan tersebut. Sebagai contoh, pada 1 Julai 2019, APMM telah merampas 500 kg *balat*

ataupun timun laut dan menahan lima nelayan Vietnam dan dikirakan rampasan timun laut berserta dengan bot bernilai hampir 600,000 ringgit Malaysia (Faizal, 2019). Hal ini cukup membuktikan bahawa perairan pantai barat Sabah sememangnya kaya dengan sumber marin yang tidak terjangkau.

## **B. Eksploitasi Perikanan di Negara Asal Nelayan Asing yang Menceroboh**

Eksploitasi perikanan di negara asal nelayan asing turut mendorong pencerobohan ini. Encik Chee antara salah seorang nelayan yang ditemu bual oleh penyelidik yang telah menceburkan diri selama 20 tahun dalam industri perikanan. Beliau memiliki lima kapal pukat jerut di sekitar Kota Kinabalu. Beliau berpendapat faktor pencerobohan nelayan asing di perairan pantai barat Sabah adalah disebabkan sumber perikanan yang tidak mencukupi di perairan Vietnam. Selain itu, wujud juga persaingan dalam kalangan nelayan Vietnam sendiri untuk memperoleh sumber yang terhad.

“di Vietnam sana tu mana ada sudah ikan, teknologi telampau canggih sekejap saja ikan habis.. itu pasal mereka datang pergi sini walaupun jauh.. telampau ramai dorang yang lain pigi sini”. (Boss Chee, 58 tahun, nelayan tempatan laut dalam, temu bual, 14 Ogos 2021)

Nelayan laut dalam yang ditemu bual pada 29 Ogos 2020 iaitu Encik Rosli yang aktif menjalankan aktiviti perikanan laut dalam. Beliau menyatakan di perairan negara, nelayan yang menceroboh terutamanya Vietnam kekurangan sumber ikan menjadikan mereka meneroka pantai barat Sabah untuk menjalankan aktiviti perikanan haram. Menurutnya lagi, maklumat ini juga diperoleh daripada nelayan tempatan dan anggota penguat kuasa yang mempunyai pendapat yang sama tentang faktor pencerobohan nelayan asing. Pernyataan beliau;

“... kurang bah ikan di sana tu, hari tu kami ada kami bercerita di atas, kami di *office* perikanan bah tu memang dorang pun cakap benda yang sama juga (Nelayan asing memerlukan sumber perikanan)... itu (nelayan Vietnam) sampai juga di sini tu pinggir sini..” (Encik Rosli, temu bual, 41 tahun)

Vietnam merupakan antara sepuluh negara pengekspor hasil perikanan dunia dan berada dalam kedudukan nombor empat dalam statistik selepas Norway (Statista, 2019). Negara ini mengekspor hasil perikanan bernilai 8.6 billion USD pada tahun 2019 dan hasil ini dieksport ke 160 negara di seluruh dunia (Toan Dao, 2020). Walau bagaimanapun, menurut laporan Timbalan Menteri Perikanan Vietnam dalam laporan *Inter Press Service* (2005), perairan Vietnam mengalami eksplorasi perikanan dan dianggarkan 37 spesies berada di ambang kepupusan termasuklah stok udang. Pertambahan jumlah nelayan di Vietnam sebanyak dua kali ganda daripada tahun 1990 sehingga 2004 sebanyak 270,600 kepada 550,5000 juga menjadi punca pengurangan sumber laut di Vietnam (*Inter Press Service*, 2005). Jumlah nelayan Vietnam yang ramai dan semakin meningkat telah mewujudkan persaingan sesama mereka. Hal ini menjadi pendorong kepada sesetengah nelayan untuk meneroka perairan antarabangsa untuk memperoleh bekalan perikanan untuk keperluan pasaran antarabangsa. Laporan lain juga menyatakan bahawa pencemaran air laut daripada kilang-kilang industri berdekatan dengan laut telah menjaskan populasi ikan di perairan Vietnam (Tao, 2017). Justeru, kebergantungan yang tinggi kepada hasil laut merupakan antara punca utama pencerobohan nelayan Vietnam di perairan Malaysia sukar dibendung.

### **C. Galakan Insentif dan Subsidi Negara Asal Nelayan Asing untuk Nelayan Laut Dalam**

Insentif dan subsidi negara asal nelayan asing menjadi faktor pendorong kepada mereka untuk menceroboh perairan negara lain. Galakan tersebut memotivasi mereka memaksimumkan hasil tangkapan walaupun terpaksa mengambil risiko menceroboh perairan negara lain. Menurut informan yang ditemui bual iaitu Komander Banggau yang merupakan pegawai memerintah Kapal Bunga Mas 5. Beliau memberi informasi bahawa nelayan asing dari China menggalakkan perikanan mereka dengan cara memberikan bantuan ramalan cuaca. Bantuan ini bertujuan untuk menunjukkan sama ada lokasi tersebut sesuai atau tidak untuk dijadikan lokasi penangkapan ikan. Malahan, untuk menjamin keselamatan nelayan, mereka menjalankan aktiviti perikanan. Negara tersebut menghantar *coastguard* bagi menjaga keselamatan nelayan tersebut. Menurutnya;

“...dia akan hantar sekali dengan penguat kuasa dia untuk menjaga keselamatan masa mereka menangkap kawasan perikanan yang melibatkan kawasan bertindih. Pokok pangkalnya kemampuan negara itu untuk mentadbir urus apa jua urusan rakyat untuk menambahkan pendapatan dan juga meningkatkan hasil dia” (Leftenan Komander Banggau, 44 tahun, temu bual, 9 Januari 2020)

Wujud juga galakan subsidi untuk meningkatkan hasil tangkapan nelayan di Vietnam. Subsidi yang diberikan oleh Vietnam dalam bentuk bantuan kewangan dan minyak diesel. Nelayan laut dalam diberikan subsidi yang tinggi, sesuai dengan kemampuan dan usaha mereka untuk menangkap ikan jauh daripada pesisir pantai. Justeru, nelayan tempatan berusaha untuk menangkap ikan sehingga ke laut dalam di kawasan perairan pantai barat Sabah. Mereka sanggup menghadapi risiko memasuki sempadan negara Malaysia kerana manfaat yang diperoleh. Hal ini dinyatakan oleh Encik Musa berumur 57 tahun yang bekerja di Jabatan Perikanan yang memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Kanan Pembangunan Marin. Beliau menyatakan salah satu faktor pencerobohan nelayan asing dari Vietnam dan China kerana mereka menerima subsidi untuk menangkap di laut dalam. Tambah beliau lagi;

“...macam mana kalau di China akan semakin besar vesel dia orang semakin besar mereka punya subsidi jadi itu mendorong untuk mereka pergi ke laut dalam lagi...”

“...untuk meningkatkan hasil perikanan sebuah negara tu perlu Zon Ekonomi Eksklusif sebab di sana sumber terbanyak kalau di sana mereka bagi subsidi berdasarkan besar kapal tu untuk pergi ZEE...”  
(Encik Musa, 57 tahun, temu bual, 5 Februari 2020)

Berdasarkan data sekunder juga, didapati negara Vietnam menggunakan nelayan sebagai cara untuk meluaskan kuasa maritim (Fau, 2015). Demikian pentingnya peranan nelayan terhadap Kerajaan Vietnam. Selain itu, Vietnam adalah pembekal hasil laut ke Jepun dan Amerika Syarikat, untuk membekalkan hasil laut dengan jumlah yang sama dan konsisten setiap tahun cukup memberi tekanan tinggi kepada nelayan mereka mencari hasil. Pada tahun 2017 juga, Kerajaan Vietnam telah memperkenalkan subsidi minyak dan wang ringgit kepada nelayan tempatan bagi menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti perikanan di laut

dalam. Dianggarkan 70 peratus penyumbang hasil tangkapan perikanan adalah daripada hasil nelayan laut dalam. Hal ini juga merupakan salah satu punca nelayan asing menceroboh perairan negara jiran.

#### D. Kemahiran Nelayan Asing

a) *Berlayar dalam Jangka Waktu yang Lama dan Jauh daripada Perairan Negara Asal*

Turut menjadi faktor pencerobohan vesel nelayan asing di perairan pantai barat Sabah ialah kemahiran mereka meneroka laut dalam. Menurut informan yang ditemu bual, nelayan asing mempunyai budaya dan kemahiran belayar dalam jangka waktu yang lama sehingga sebulan. Informan yang ditemu bual iaitu Lt. Salehin menyatakan bahawa nelayan asing terutama daripada Vietnam tidak mempunyai masalah untuk belayar jauh daripada Vietnam. Mereka boleh beroperasi dalam tempoh yang lama di laut. Menurutnya lagi;

“...mereka ni, terutama nelayan Vietnam boleh tahan lama di laut, berbulan-bulan pun tidak apa sebab memang kebiasaan dorang begitu, jadi kalau setakat pergi sini tiada masalah bagi mereka...”  
(Leftenan Salehin, 37 tahun, temu bual, 7 Februari 2020)

b) *Kemahiran Beroperasi di Laut Dalam*

Faktor pencerobohan vesel nelayan asing yang berterusan juga adalah disebabkan kemahiran dan peralatan yang membolehkan nelayan asing beroperasi di laut dalam. Mereka memiliki vesel khusus yang berfungsi sebagai pusat pemindahan ikan sekiranya nelayan telah selesai menjalankan aktiviti perikanan secara haram. Vesel tersebut membawa hasil ke negara asal mereka. Nelayan asing tersebut akan meneruskan aktiviti penangkapan ikan dan proses ini berulang untuk jangka masa berbulan selagi tidak ditangkap oleh penguat kuasa maritim tempatan di pantai barat Sabah.

“...nelayan asing selalu membuat pindahan hasil tangkapan di tengah laut di mana saya maklum tadi ...menggunakan sebuah kapal pindahkan hasil kepada bot yang menangkap ikan tu dan dibawa balik ke negara dia... so yang menangkap ikan teruskan menangkap ikan tapi hasil dipindahkan... so mereka kekal lama di laut... so pada

masa yang sama hasil berjalan dibawa keluar so ada perulangan tu telah sampai ke tempat jeti dia...”

Nelayan tempatan yang ditemu bual menyatakan hal yang sama. Encik Azlan iaitu informan yang telah di temu bual pada 22 Januari 2021 yang lazimnya membawa vesel daripada Kota Kinabalu ke Labuan dan Brunei. Beliau menyatakan vesel dari Vietnam mengalihkan hasil tangkapan perikanan ke vesel yang lain untuk di bawa balik ke negara mereka. Tambahnya lagi;

“...biasa saya tengok itu diorang di laut saya tau dia memang ada *motherboat*. Ini bot memang dikira ada bot diorang disini.... dia *motherboat* datang jadi itu dia kasi pindah (hasil tangkapan)...”  
(Encik Azlan, 50 tahun, nelayan tempatan pesisir pantai, temu bual, 22 Januari 2020)

Menurut Encik Abdul, berumur 46 tahun yang merupakan nelayan tempatan laut dalam. Beliau menyatakan *motherboat* (nelayan asing) juga berfungsi sebagai kapal logistik, iaitu kapal tersebut membekalkan makanan, minuman, ubat-ubatan dan juga bahan bakar kepada nelayan yang menjalankan aktiviti memukat di laut. Selain daripada itu, kapal induk Vietnam ini digunakan untuk menukar kru kapal. Berikut merupakan pernyataan beliau:

“...dan juga tukar orang memang ada kalau di sini pun ada begitu katakan 10 kapal logistik dia... 2 itu yang dia hantar minyak dalam tangki dia... bukan ada ikan tapi ada minyak dia hantar masuk dalam bot ikan... tengok la berapa banyak bot ikan dia ada, kalau ada 5 bot ikan itu yang kena bagi dia akan hantar barang makanan...orang... tukar tukar orang...” (Encik Abdul, nelayan tempatan, 46 tahun, temu bual, 30 Jun 2020)

#### **E. Kehadiran Nelayan Tempatan dan Penguat kuasa Maritim yang Kurang di Perairan Pantai Barat Sabah (*Maritime Presence*)**

Selanjutnya, peluang nelayan asing mengklon vesel penangkapan ikan yang telah diberi lesen di perairan pantai barat Sabah juga menjadi salah satu faktor penting yang memudahkan aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Tidak kurang pentingnya ialah faktor kelemahan penguatkuasaan undang-undang perikanan Malaysia.

a) Nelayan Tempatan tidak Beroperasi di Laut Dalam

Antara faktor yang menyebabkan nelayan asing mengambil peluang menceroboh dan cuba menguasai kegiatan perikanan di laut dalam di perairan pantai barat Sabah ialah kurangnya nelayan tempatan yang menangkap ikan di laut dalam. Kebanyakan nelayan tempatan hanya menangkap ikan di pesisir pantai di pantai barat Sabah. Justeru, maklumat mengenai kehadiran nelayan asing hanya bergantung semata-mata kepada penguat kuasa maritim sahaja. Perkara ini selari dengan pernyataan Encik Saiknato yang telah mengoperasikan vesel penangkapan ikan pukat tuna selama tujuh tahun berpangkalan di Kota Kinabalu. Sependapat dengan Encik Chong yang mengoperasikan vesel penangkapan ikan menggunakan pukat jerut selama 12 tahun menyatakan bahawa nelayan tempatan hanya menangkap ikan di pesisir pantai menyebabkan nelayan asing bebas beroperasi di laut dalam. Menurut Encik Saiknato:

“...orang tempatan dia tak suka pergi jauh jauh dia tak suka tangkap ikan dua minggu tiga minggu kadang-kadang berbulan baru balik... dia akan dekat dekat pesisiran pantai je habis habis pun dalam 30 batu sampai ke pelantar minyak... dan dia patah balik sedangkan bot-bot nelayan asing ni dia tangkap ikan dekat laut dalam tu sana banyak ikan kan...” (Encik Saiknato, 27 tahun, temu bual, 29 Mac 2020)

“...faktor dia mungkin sebab nelayan kita kurang di laut dalam, terutamanya jadi sukarelawan untuk lapor kepada penguat kuasa pun kurang, itu pasal juga mereka (nelayan asing) ini berani untuk menceroboh dan tangkap ikan sana.” (Encik Chong, 36 tahun, temu bual, 12 Disember 2020)

b) Kelemahan Penguatkuasaan Maritim

Salah satu faktor yang menyebabkan pencerobohan nelayan asing ialah risiko mereka dikesan oleh agensi penguat kuasa maritim adalah rendah. Kekerapan rondaan yang kurang, pemeriksaan dan kawalan di perairan pantai barat Sabah menyebabkan vesel nelayan asing berani mengambil risiko. Kelemahan ini juga disebabkan kekurangan aset dan logistik aset penguat kuasa maritim kurang di perairan pantai barat Sabah. Seperti yang dinyatakan oleh Puan Asmawati yang merupakan pegawai APMM, adalah

mustahil pada masa kini penguat kuasa mengawasi keseluruhan perairan dengan bilangan aset yang sedia ada;

“....kalau kita tengok dia punya jarak keluasan dengan bilangan aset yang dimiliki oleh kerajaan agak mencabar untuk kita nak katakan cukup... so kita cuma hanya mampu berada di satu kawasan pada satu masa... dan ketika untuk cover semua kawasan mustahil itu sebab kita berada di laut...”

Malahan beliau menambah, nelayan asing yang berada di sempadan menyebabkan penguat kuasa maritim sukar untuk ke lokasi tersebut kerana jarak yang jauh melebihi 200 batu nautika. Tambahnya lagi;

“...dia macam ni tau biasa dia berada di kawasan sempadan kalau kadang-kadang bila kita *detect* diorang dekat AIS dia punya *tracking* dia dia memang berada di sempadan dia selalu bila kita cuba pergi tangkap dia akan keluarlah sempadan, sempadan Malaysia dengan Filipina ke dia biasa akan tangkap di sempadan sebab kita nak pegi sempadan tu 200 batu kan bukan dekatlah kadang-kadang kita buat pemantauan guna aset udara...” (Kapten Asmawati, 44 tahun, temubual, 15 Mac 2020)

#### **F. Nelayan Asing Mengklon Vesel Penangkapan Ikan yang telah Diberi Lesen di Perairan Pantai Barat Sabah**

Salah satu punca berlakunya pencerobohan vesel nelayan asing yang menjalankan aktiviti perikanan secara haram adalah kerana pemberian lesen yang sah kepada vesel penangkapan ikan nelayan asing oleh Jabatan Perikanan Sabah. Lesen nelayan asing yang sah ini digunakan oleh nelayan asing yang lain dengan cara menggunakan nombor pendaftaran yang sama dengan vesel yang diberikan lesen. Pemberian lesen ini memudahkan nelayan asing untuk membuat penyamaran. Hal ini dijelaskan oleh Encik Shahrul. Menurutnya, vesel Vietnam diberi sewa pajak yang bermaksud kerajaan membawa vesel daripada luar khususnya Vietnam ke perairan Sabah. Akibatnya jika sebuah vesel diberi lesen, maka akan terdapat tiga atau empat vesel yang akan mengklon vesel dan pendaftaran tersebut. Hal ini bertujuan untuk mengelirukan penguat kuasa dan nelayan tempatan. Tambahnya lagi;

“...lama sudah itu kira sudah lama berapa tahun. SBF kapal daripada Vietnam disewa pajak... akta ni ada dalam akta perikanan sewa pajak untuk bawa kapal-kapal luar di Sabah. Dalam masa yang sama 1 biji akan jadi 3 ke 4 biji...” (Encik Shahrul, 60 tahun, temu bual, 17 Jun 2021)

Menurut pegawai APMM, Tuan Salehin yang turut hadir sama semasa pengkaji menemu bukal Encik Sahrul, kaedah lain nelayan asing juga ialah menggunakan lesen pendaftaran kargo, akan tetapi lesen tersebut disalah guna, yakni mereka menangkap ikan menggunakan lesen tersebut. Kaedah ini dikenal pasti oleh pegawai penguat kuasa dan setakat ini mereka telah menangkap enam buah vesel Vietnam yang menyalahgunakan lesen.

“...diorang pakai kapal ikan kapal Vietnam tapi diorang guna lesen tu. Dia akan ubah jadi *United 8* yang tu saya dah tahan dalam 6 biji...”  
(Tuan Salehin, 39 tahun, temu bual, 7 Februari 2020)

## KESIMPULAN

Ketersediaan sumber di perairan pantai barat Sabah dan kemerosotan hasil perikanan di negara asal nelayan asing, serta ditambah lagi dengan galakan subsidi telah mendorong pencerobohan ke perairan ini. Sejajar dengan itu, *Maritime presence* yang kurang di laut untuk melaporkan kegiatan mereka telah membuka peluang kepada nelayan asing melakukan kegiatan perikanan haram, peluang menggunakan lesen dan vesel secara klon telah mengelirukan penguat kuasa dan seterusnya membolehkan mereka terlepas daripada pemeriksaan. Kemahiran mereka beroperasi menggunakan *motherboat* untuk bekalan logistik menyebabkan mereka berupaya bertahan lama di laut untuk menjalankan aktiviti perikanan haram. Operasi mereka yang berpindah-randah juga sukar dikesan pihak penguat kuasa maritim. Akhirnya, pencerobohan nelayan asing ini memberi cabaran untuk dibendung daripada terus berlaku di perairan pantai barat Sabah.

## RUJUKAN

- Aaron Hatcher Container. (2004). University of Portsmouth Publisher: Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Year: 2022 URL: <https://researchportal.port.ac.uk/en/publications/incentives-for-investment-in-iuu-fishing-capacity>
- Aghilinejhad, Seyed Mostafa & Gorgin, Saeid & Uhm, Daan, P. van & Joolaie, Ramtin & Ghorbani, Rasoul & Paighambari, Seyed & Mohammadi, Jahangir & Jalali, Ali. (2018). What are the drivers of the occurrence of illegal fishing and conservation barriers of sturgeons in the Caspian Sea? *Aquatic Conservation: Marine and Freshwater Ecosystems*, 28. 10.1002/aqc.2897
- Agnew & Barnes. (2014). Economic aspects and drivers of IUU fishing: Building a framework. *OECD Fish Piracy: Combating Illegal, Unreported and Unregulated Fishing*, 169, 180-181.
- Agnew, D., Pearce, J., Pramod, G., Peatman, T., & Watson, R. et al. (2009). Estimating the worldwide extent of illegal fishing. *PLoS ONE*, 4(2), e4570. Doi:10.1371/journal.pone.0004570.<http://journals.plos.org/plosone/article?id=10.1371/journal.pone.0004570>
- Andrea Valentino. (2019). How North Korea built a fleet of ghost ships | *Hakai Magazine*. *Hakai Magazine*; *Hakai Magazine*. <https://hakaimagazine.com/features/how-north-korea-built-a-fleet-of-ghost-ships/>
- Bailey, K. M. (2011). An empty donut hole: The Great Collapse of a North American fishery. *Ecology and Society*, 16(2). <https://doi.org/10.5751/es-04124-160228>
- Baird, R. J. (2006). Aspects of illegal, unreported and unregulated fishing in the Southern Ocean. In Reviews: Methods and Technologies in Fish Biology and Fisheries. *Springer Netherlands*. <https://doi.org/10.1007/1-4020-5339-8>
- Borneo Today. (10 June 2021). Junz: Utamakan Nelayan Tempatan, Bukan Nelayan Asing. *Borneo Today*. <https://www.borneotoday.net/junz-utamakan-nelayan-tempatan-bukan-nelayan-asing/>
- Fau. (2015). Research for PECH Committee - Fisheries in Vietnam. *Policy Department for Structural and Cohesion Policies Directorate-General for Internal Policies* PE 629.175 - October 2018.
- Glaser, S. M., Roberts, P. M., & Hurlburt, K. J. (2019). Foreign illegal, unreported, and unregulated fishing in Somali waters perpetuates conflict. *Frontiers in Marine Science*, 6. <https://doi.org/10.3389/fmars.2019.00704>
- Gunawan, Yordan & Yogar, Hanna. (2019). Law enforcement on illegal fishing of illegal foreign vessels within EEZ of Indonesia. *KnE Social Sciences*. 3. 656. 10.18502/kss.v3i14.4345.
- Kementerian Pertanian dan Industri asas Tani. (8 Ogos 2019). Di bawah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Polis Marin Cekup 85 Nelayan Vietnam Curi

- Ikan di Laut Negara. *Laporan Media Harian*. 8-33.
- Magdaline Mukami. (2020). Illegal fishing: 112 Iranian ships in Somalia flagged. [Aa.com.tr. https://www.aa.com.tr/en/africa/illegal-fishing-112-iranian-ships-in-somalia-flagged/1889814](https://www.aa.com.tr/en/africa/illegal-fishing-112-iranian-ships-in-somalia-flagged/1889814)
- Meaghan Brosnan & Mark Gleason. (Ogos 2015). Poached crab from Russian waters. A seafood Industry. *White Paper; Frequentz*. Page 4-8.
- Mohd Hazrizal Mohd Hanapiyah. (23 July 2021). Ikan kita milik orang asing. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/39529/SUARA-SINAR-Analisis-Ikan-kita-milik-orang-asing>
- Raja Hisyam Raja Zaid. (18 Julai 2020). Kerugian lebih RM6 bilion hasil laut kepada nelayan asing perlu dihentikan segera. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerugian-lebih-rm6-bilion-hasil-laut-kepada-nelayan-asing-perlu-dihentikan-segera-amzad-251830>
- Ruzaini Zulkefli. (1 Julai 2019). APMM rampas 500kg *balat*, tahan 5 nelayan Vietnam. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/apmm-rampas-500kg-balat-tahan-lima-nelayan-vietnam-211500>
- Statista Survey. (2020). Leading exporting countries of fish and fishery products worldwide in 2020 (in billion U.S. dollars). <https://www.statista.com/statistics/268269/top-10-exporting-countries-of-fish-and-fishery-products/>
- Toan Dao. (8 Januari 2020). Vietnam misses 2019 seafood export target of USD 10.5 billion. *SeafoodSource*.<https://www.seafoodsource.com/news/supply-trade-vietnam-misses-2019-seafood-export-target-of-usd-10-5-billion>
- Urbina, I. (2020). China's outlaw fishermen. *LeMond Diplomatique*. <https://mondediplo.com/2020/11/05fishing>
- Zaid Salim. (2020). Pasang bendera Malaysia cuba perdaya APMM [METROTV]. *Harian Metro; New Straits Times*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/596888/pasang-bendera-malaysia-cuba-perdaya-apmm-metrotv>

## INFORMAN

- Abdul. 44 tahun. Kampung Pasir Putih Putatan. Nelayan tempatan pesisir pantai. Ditemu bual pada 23 Ogos 2021.
- Ah Chong. 28 tahun. Nelayan pukat tunda. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. 12 Disember 2020
- Chee Ho Wee Ing. 56 tahun. Restoran Nasali, Kota Kinabalu, Tuaran. Nelayan pukat tunda. Ditemu bual pada 14 Ogos 2020.
- Encik Azlan. 50 tahun. Nelayan tempatan pesisir pantai. Ditemu bual pada 22 Januari 2020.
- Encik Musa. 57 tahun. Penolong Pengarah Kanan Pembangunan Marin. Ditemu bual pada 5 Februari 2020.

- Encik Rosli. 60 tahun. Kampung Pulau Gaya. Nelayan tempatan pesisir pantai.  
Ditemu bual pada 29 Ogos 2020.
- Encik Shahrul. 22 tahun. Kampung Gentisan. Nelayan tempatan pesisir pantar.  
Ditemu bual pada 17 Jun 2021.
- Kapten (M) Asmawati bin Mohd Tujeri. 42 tahun. Pejabat Maritim Kota Kinabalu.  
Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Sabah. Ditemu bual pada 7 Februari 2020.
- Komander Banggau Anak Limbing. 44 tahun. Kapal Bunga Mas 5, Kota Kinabalu.  
Pegawai Memerintah Kapal Auksiliari Bunga Mas 5. Ditemu bual pada 9 Januari 2020.
- Leftenan Syafiq. 35 tahun. Pegawai navigasi TLDM. Ditemu bual pada 29 September 2021. *Google meet*.
- Lt. Komander (M) Alex Raphael. 36 tahun. Pejabat Maritim Kota Kinabalu. Ditemu bual pada 27 Mac 2020.
- Lt. Salehin bin Hashim. 39 tahun. Pejabat Maritim Kota Kinabalu. Pegawai Peperangan Kapal Maritim. Ditemu bual pada 15 Mac 2020.
- Saiknato bin Hamzah. 28 tahun. Nelayan pukat *linkong* (Jerut). Ditemu bual pada 29 Mac 2020.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa  
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

**ASTRI BINTI M FADZLI** ialah Pelajar Ijazah Sarjana Program Sosiologi dan Antropologi Sosial di Universiti Malaysia Sabah. Berasal daripada Sandakan, Sabah. Kini, merupakan Felo Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher (KKAF).

**DAYANG SURIA HJ MULIA** (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Sabah. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seterusnya mendapat Sarjana Sastera di Wichita State University, Kansas Amerika Syarikat. Kemudian, beliau melanjutkan pengajian di University of South Carolina untuk peringkat PhD.

**SYAHRUDDIN HJ AWANG AHMAD** (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Sabah. Beliau kini memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan di Fakultiti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau juga merupakan penyelidik Geopolitik Borneo dan Pengajian Elektoral.